

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JUNE 2016

Mahathir peralat calon jatuhkan Najib

um - 16/6/2016

KUALA KANGSAR 15 Jun - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad turun berkempen menyokong pembangkang pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar, lebih menjurus kepada politik dendam dengan memeralat calon parti bertanding untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, beliau bagaimanapun yakin rakyat tidak akan terpengaruh dengan bekas Perdana Menteri itu berikutan Najib telah melakukan yang terbaik bagi memastikan masa depan negara maju ke hadapan.

"Beliau (Mahathir) mempunyai pendapat yang berbeza, teta-

pi itu adalah hak beliau. Kita tidak boleh melarang beliau untuk berkempen.

"Namun, kita perlu ingat bahawa beliau dulu merupakan Perdana Menteri yang mendapat sokongan Barisan Nasional (BN). Di mana-mana pun beliau berkempen, beliau berkata kita mesti menyokong BN tetapi kali ini, beliau mahu pastikan BN yang beliau pimpin dahulu, harus dijatuhkan.

"Beliau sanggup bersekongkol dengan parti yang menjadi musuh tradisi UMNO hanya kerana kepentingan peribadi semata-mata," katanya demikian



SALLEH SAID KERUAK

kepada pemberita selepas melawat Pusat Media PRK Parlimen Kuala Kangsar, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Salleh berkata, pembangkang juga sudah terdesak dengan menabur fitnah serta menanam perasaan kebencian terhadap

pemimpin selain membangkitkan isu-isu yang tidak relevan pada PRK kali ini.

Namun katanya, beliau merasakan rakyat tidak akan terkeliru kerana tahu membezakan fakta dan auta yang dimainkan oleh pembangkang pada setiap kali pilihan raya.